

ARTIKEL

KURSUS “IMPLEMENTATION OF THE NEW ISO/IEC 17025:2017 - GENERAL REQUIREMENTS FOR THE COMPETENCE OF TESTING AND CALIBRATION LABORATORIES” BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN MAKMAL-MAKMAL PERLINDUNGAN TANAMAN, JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN.

Seramai 14 orang pegawai dan kakitangan dari Bahagian Perlindungan Tanaman dan juga Unit Lepas Tuai, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menyertai Kursus *“Implementation of The New ISO/IEC 17025:2017 – General Requirements for the Competence of Testing and Calibration Laboratories”*. Kursus tersebut telah berlangsung di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei (*BARC*), Kilanas, selama 3 hari bermula pada 10hb Jamadilakhir 1441/4hb Februari 2020 sehingga 12hb Jamadilakhir 1441/ 6hb Februari 2020 yang telah lalu.

Kursus ini dijalankan bagi mendukung usaha Jabatan di dalam mempersiapkan Makmal Entomologi Tanaman, Makmal Patologi Tanaman dan Makmal Lepas Tuai untuk mencapai Pengiktirafan ISO 17025:2017 *General Requirement for the Competence of Testing Laboratory and Calibration Laboratories* yang merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara ke-11 (RKN 11) – Program Peningkatan Keluaran Sayur Menggunakan Teknologi Tinggi Bagi Menjana Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). ISO/IEC 17025:2017 adalah merupakan piawai (*standard*) bagi akreditasi mengenai pengiktirafan sistem kualiti dalam makmal ujian (*testing*) atau kalibrasi. Bagi mencapai pengiktirafan tersebut, makmal memerlukan kecekapan teknikal (*technical competence*) dalam bidang pengujian (*testing*) atau kalibrasi yang telah ditetapkan.

Kursus tersebut telah dilaksanakan dengan kerjasama dari Syarikat yang dilantik oleh Jabatan iaitu, PY Chin & Associates P L. Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan peserta kepada struktur dan isi kandungan pensijilan ISO/IEC 17025:2017; mengenalpasti keperluan atau komponen utama di dalam pensijilan ISO/IEC 17025:2017; dan juga memberi kefahaman mengenai keperluan untuk

mengekalkan Sistem Pengurusan Kualiti (*Qualiti Management System*) makmal di dalam memenuhi keperluan ISO 17025:2017.

Kursus tersebut adalah sangat bermanfaat kepada pegawai dan kakitangan Jabatan tersebut kerana ianya telah memberikan kefahaman dan juga perlaksanaan ISO/IEC 17025:2017 secara praktikal. Kursus ini juga menyediakan *platform* kepada para pegawai dan kakitangan makmal untuk mendapatkan nasihat daripada pihak Tenaga Pengajar yang berpengalaman di dalam menangani fasa perubahan dan juga perlaksanaan sistem tersebut. Ianya juga memberikan peluang kepada pihak makmal untuk mengenalpasti kekurangan pada sistem makmal yang sedia ada untuk memenuhi keperluan akreditasi makmal tersebut dan ini sudah setentunya dapat membantu peralihan makmal kepada ISO 17025:2017 secara lebih sistematik dan efisien.

Dengan berakhirnya kursus tersebut juga, persediaan yang sedang dibuat oleh makmal-makmal di bawah Bahagian Perlindungan Tanaman iaitu Makmal Entomologi Tanaman, Makmal Patologi Tanaman dan juga Makmal Lepas Tuai diharap akan menjadi lebih mantap dan diperkuuhkan lagi demi memastikan pengiktirafan ISO/IEC 17025:2017 dari sebuah badan akreditasi makmal iaitu *Singapore Accreditation Council (SAC)* akan dicapai sebelum Projek RKN 11 tersebut berakhir pada tahun 2023, Insha Allah. Dengan adanya pengiktirafan tersebut ianya akan dapat memberikan jaminan bahawa keputusan analisa makmal ke atas produk tanaman dari makmal-makmal berkenaan adalah diperakui dari segi mutu dan juga berkualiti tinggi. Jaminan tersebut adalah sangat penting di dalam mempertingkatkan lagi kepercayaan pelanggan luar negara terhadap produk tanaman keluaran negara ini dan seterusnya membantu usaha negara di dalam menembusi pasaran eksport untuk meningkat KDNK.



Gambar 1. Gambar ramai peserta kursus bersama dengan Tenagar Pengajar kursus.



Gambar 2. Peserta-peserta mendengar penerangan semasa kursus dijalankan.